

# **PENDEKATAN BERPUSATKAN PELAJAR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU BAGI MEMBENTUK KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR DI UNIVERSITI AWAM**

*Student-Centered Approach in the Teaching and Learning of the Malay language  
To Develop Soft Skills among Undergraduates*

*Alizah Lambri<sup>1</sup>*  
*alizah@fbk.upsi.edu.my*

*Zamri Mahmood<sup>2</sup>*  
*d\_zam@ukm.my*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>1</sup>*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>2</sup>*

## **ABSTRAK**

Kertas kerja ini membincangkan pelaksanaan pendekatan berpusatkan pelajar yang dilihat berpotensi dalam membentuk kemahiran insaniah pelajar di Universiti Awam. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk proses pengutipan data. Peserta kajian terdiri daripada seorang pensyarah Bahasa Melayu dan 21 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu di sebuah Universiti Awam. Data dianalisis berdasarkan kod dan tema yang muncul daripada data temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan berpusatkan pelajar (PBP) yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat menggalakkan pembentukan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, khususnya kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi dan sosial, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran teknologi maklumat. Kemahiran insaniah membolehkan seseorang pelajar menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perubahan dan perkembangan dalam sektor pekerjaan kelak, tetapi juga dalam menghadapi kehidupan seharian. Oleh itu, bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah, setiap pelajar amat digalakkan untuk menjadi pelajar yang berketrampilan dan mempunyai kemahiran insaniah yang baik demi menghadapi cabaran global dan pasaran kerja yang semakin mencabar.

**Kata Kunci:** Kemahiran insaniah, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pendekatan berpusatkan pelajar

## **ABSTRACT**

*This research paper discusses the implementation of a student-centered approach which has a potential in developing the soft skills of students in public universities. This qualitative study used observations and interviews in the process of data collection. The participants of this study consisted of a Malay language lecturer and 21 students studying Bachelor of Malay Education. Data was analysed based on the code and the themes that emerged from the interviews and observations. The findings revealed that the student-centered approach (PBP) implemented in teaching and learning the Malay language can encourage the development of soft skills among students, especially interpersonal skills, communication and social skills, thinking and problem solving skills, leadership skills, teamwork skills and information technology skills. Soft skills not only enable students to adapt to changes and developments in the forthcoming employment sector, but also in dealing with everyday life. Therefore, in order to produce a balanced human capital in terms of academics and character, students are encouraged to be competent and acquire the relevant soft skills in order to face global challenges and an increasingly challenging job market.*

**Keywords:** *Soft skills, teaching and learning the Malay language, student-centered approach*

## **PENGENALAN**

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Kementerian Pengajian Tinggi 2006). Universiti sebagai institusi pendidikan dan latihan sewajarnya menjadi tempat yang paling sesuai untuk menggilap kemahiran insaniah pelajar. Bagi pelajar universiti, khususnya di Universiti Awam (UA), mereka perlu mempunyai keinginan dan keupayaan untuk melibatkan diri dalam proses pembentukan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama. Menurut Ledia (2004), pelajar di UA seharusnya memperluaskan diri mereka dengan kemahiran yang telah diajar agar sentiasa kompeten dan bersedia untuk memasuki alam pekerjaan. Penguasaan kemahiran insaniah menjadikan seseorang pelajar itu dapat menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perkembangan dalam sektor pekerjaan, tetapi juga dalam menghadapi kehidupan seharian. Oleh itu, penerapan kemahiran insaniah mesti dilaksanakan secara menyeluruh dan diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Salah satu kaedah P&P yang dapat merangsang perkembangan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar ialah P&P yang menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar.

## **PENYATAAN MASALAH**

Graduan keluaran institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kini disebut sebagai Universiti Awam (UA) di Malaysia didapati mempunyai kelemahan dari segi penyampaian atau penguasaan kemahiran *employability* berbanding lulusan luar negara (Lee dan Tan, 2003). Selain itu, terdapat juga keluhan yang mempertikaikan kewibaaan pelajar hasil pendidikan masa kini yang semakin menurun, khususnya dalam aspek jati diri meskipun telah bergelar graduan yang diakui keinteketualannya (Norazila et al., 2015). Implikasinya, masih ramai graduan yang tidak mendapat pekerjaan meskipun mereka cemerlang dalam akademik. Statistik pada tahun 2010 menunjukkan jumlah pengangguran mencecah 26.61 peratus daripada seramai 174,439 orang graduan yang ada. Pada tahun 2012 pula, sejumlah 76, 200 graduan di negara ini masih belum mempunyai pekerjaan tetap (KPT, 2012). Kemahiran insaniah amat perlu diterapkan dalam diri setiap pelajar dan UA seharusnya menekankan kepentingan keperluan kemahiran insaniah yang dilihat sebagai penyumbang yang kritikal dalam menjana modal insan yang menyeluruh di samping mampu membawa persaingan di peringkat global. Menurut Zamri dan Mohamad Amin (2008), penggunaan kemahiran insaniah dalam P&P Bahasa Melayu amat bergantung kepada penguasaan kemahiran pengintegrasian dengan kemahiran lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan menaksir dalam pengajaran. Di samping itu, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) juga tidak kurang pentingnya (Umi Nadiha, Zamri dan Jamaludin Badusah, 2011). Pengaplikasian kemahiran insaniah dalam P&P Bahasa Melayu dapat dilihat menerusi pelaksanaan P&P yang menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Untuk itu, pendekatan berpusatkan pelajar yang dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu diharap berupaya mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan pelajar, terutama dalam memperkasa kemahiran komunikasi, berfikir kritis dan saintifik, serta kebolehan bekerja dalam kumpulan (Kamarudin dan Siti Hajar, 2003).

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti kemahiran insaniah yang dapat diterapkan menerusi pendekatan berpusatkan pelajar dalam P&P Bahasa Melayu di Universiti Awam.

## Soalan Kajian

1. Apakah kemahiran insaniah yang dapat diterapkan menerusi pendekatan berpusatkan pelajar dalam P&P Bahasa Melayu di Universiti Awam?

## METODOLOGI

Kajian kualitatif ini dilaksanakan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Peserta kajian terdiri daripada seorang pensyarah Bahasa Melayu dan 21 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu di sebuah Universiti Awam. Data diperoleh menerusi kaedah pemerhatian tidak turut serta dan temu bual. Dalam kajian ini, teknik pemerhatian diperlukan bagi tujuan mencatat apa yang berlaku dan apa yang didengar semasa berada di lapangan (Alizah, 2015; Noraini, 2010; Bogdan dan Biklen, 2007). Manakala, teknik temu bual digunakan bagi tujuan membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk pernyataan langsung daripada peserta kajian yang terlibat (Alizah, 2015). Dalam kajian ini, aspek kemahiran insaniah yang diberi tumpuan ialah kemahiran interpersonal, sosial dan komunikasi, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran berpasukan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran teknologi maklumat. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis berdasarkan kod dan tema menggunakan teknik analisis data kualitatif seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994). Berikut merupakan proses analisis data yang telah dilaksanakan:

Langkah 1	Penyaringan Data	<ul style="list-style-type: none"><li>● Pengkaji meneliti semua transkrip pemerhatian dan transkrip temu bual yang telah dimurnikan.</li><li>● Setiap transkrip dilabelkan tarikh, lokasi dan masa data tersebut diperoleh.</li><li>● Pengkaji membaca berulang kali dan membuat pengasingan dengan mencari unit-unit makna dalam perkataan, frasa, ayat, cara pemikiran peserta kajian, dan perkara-perkara yang dapat dikesan berlaku ketika pemerhatian berlangsung.</li></ul>
Langkah 2	Pengekodan data	<ul style="list-style-type: none"><li>● Pengkaji membentuk kategori-kategori maklumat dan menentukan kod bagi setiap kategori.</li><li>● Kod merujuk kepada satu unit perkataan atau istilah yang mempunyai makna tertentu bagi mewakili sesuatu ayat atau perkataan yang berhubungan dengan kejadian yang dapat difahami.</li><li>● Kod-kod yang dibentuk dihindarkan mengikut kategori yang bersesuaian.</li><li>● Kategori yang telah dibentuk boleh digabung atau dilihat perhubungannya sehingga menjadi satu kategori utama dikenali sebagai tema.</li><li>● Penganalisan data dalam kajian ini dilakukan secara deskriptif.</li></ul>
Langkah 3	Membuat Rumusan	<ul style="list-style-type: none"><li>● Pengkaji membuat perhitungan kekerapan kemunculan pola dan tema yang diikuti dengan membuat pengelompokan data.</li><li>● Pola-pola yang muncul berulang-kali dalam setiap tema dijadikan panduan untuk membuat kesimpulan muktamad.</li></ul>

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Proses P&P Bahasa Melayu menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar (PBP) yang dilaksanakan oleh pensyarah dapat dilihat daripada aspek P&P di dalam dan di luar kelas. Berdasarkan pemerhatian, pembelajaran di dalam kelas merujuk kepada aktiviti P&P yang dilaksanakan di dalam kelas, manakala pembelajaran di luar kelas merujuk kepada tugas yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar. Analisis kajian mendapati, terdapat tiga tugas di luar kelas yang perlu dilaksanakan oleh pelajar, iaitu tugas secara individu, berpasangan dan berkumpulan.

Analisis kajian menunjukkan pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu berupaya mewujudkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana, pelajar didapati dapat membentuk dan meningkatkan kemahiran insaniah yang diperoleh daripada pengalaman sebenar berbanding menggunakan kaedah kuliah yang lebih berpusatkan pensyarah. Antara kemahiran insaniah yang dapat dilihat menerusi pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu ialah kemahiran komunikasi dan sosial, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran teknologi maklumat (ICT), kemahiran bekerja secara berpasukan dan kemahiran kepimpinan. Berikut merupakan data temu bual yang diperoleh daripada pensyarah:

### Contoh: Temu Bual Pensyarah

*Pensyarah: Saya perhatikan sepanjang kursus dijalankan seperti selain daripada kemahiran komunikasi mereka juga ada kemahiran kerja berpasukan, kemahiran untuk memimpin ok. Berfikir dan penyelesaian masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat. Jadi apa yang dalam apa..er..RK tersebut dan juga dalam RI tersebut, **kaedah penerapan KI kemahiran insaniah tu, pada pandangan saya tercapai dan berjaya diterapkan sepanjang kursus dijalankan [TB3/3/41-50].***

Dapatan temu bual tersebut jelas menunjukkan bahawa, pelaksanaan PBP dalam P&P Melayu dapat merangsang kemahiran insaniah pelajar. Kemahiran-kemahiran tersebut dapat dilihat menerusi penglibatan aktif pelajar dalam setiap aktiviti P&P yang dilaksanakan. Melalui PBP pelajar berpeluang menonjolkan kebolehan diri masing-masing dan dapat melibatkan diri secara aktif semasa proses P&P berlangsung. Peluang ini menjadikan pelajar lebih bersikap terbuka dan sentiasa menunjukkan sikap positif terhadap pembelajaran. Temu bual bersama pelajar mendapati, pelajar juga bersetuju bahawa pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu dapat mempengaruhi perkembangan insaniah mereka, misalnya daripada aspek kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal, kemahiran sosial, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran teknologi maklumat (ICT).

### a. Kemahiran Sosial dan Komunikasi

Salah satu aspek yang dituntut dalam pekerjaan ialah kemahiran komunikasi interpersonal. Kemahiran interpersonal mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar (Kamarudin, 2003; Murphy, 2001 dan Richardson, 2003). Dalam kajian ini, kemahiran komunikasi interpersonal boleh dilihat apabila para pelajar berani tampil di hadapan kelas untuk berhujah dan memberikan pendapat. Misalnya menerusi aktiviti pembelajaran berasaskan masalah (PBM), kemahiran komunikasi dapat dilihat menerusi kaedah *brainstorming* atau sumbang saran. Dalam PBM, sumbang saran memberi peluang kepada pelajar untuk memberikan idea. Dalam konteks ini, idea yang disumbangkan itu sama ada tepat atau tidak bukanlah sesuatu yang diutamakan kerana apa yang lebih penting ialah proses komunikasi antara pelajar dan cetusan idea daripada pelajar.

Kajian ini mendapati melalui pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu, banyak peluang diberikan kepada pelajar untuk tampil di khalayak untuk memberikan pandangan dan idea mereka. Para pelajar juga sangat digalakkan berbincang dan berhujah demi mempertahankan pendapat dan idea masing-masing. Hal ini secara tidak langsung dapat menggalakkan kemahiran komunikasi dan sosial pelajar. Berikut merupakan respons daripada pelajar:

**Contoh 1:**

*Melatih diri saya lah untuk bercakap di khalayak. [Tina/TBK2/5/91-92]*

**Contoh 2:**

*Memang memberi manfaat kepada kita sangat banyak lah, sebab pertamanya kita boleh berkomunikasi [Lan/TBK3/65/1433-1438]*

**Contoh 3:**

*Merangsangkan pelajar yang tidak pernah bercakap tu untuk bercakap, [Tika/TBK3/71/1615-1616]*

**Contoh 4:**

*Banyak nilai tambah yang saya peroleh selain daripada saya berpeluang untuk belajar sedikit sebanyak macam mana nak menyunting, walaupun tak banyak yang saya bantu, tapi ada juga lah kan sedikit. Jadi saya tahu lah setidak-tidaknya dari segi teknologi dan juga berkomunikasi dengan orang lain melibatkan orang yang pelbagai golongan, polis dan lain-lain (Kemahiran sosial) [Julie/TBK6/51/1142-1148]*

**Contoh 5:**

*Kalau tugasan berpasangan, komunikasi antara kaum lain Lepas tu, yang drama tu macam boleh meningkatkan komunikasi juga antara polis amnya, pekedai, hubungan sosial lah yang bertepatan dengan kursus sosiolinguistik. [Nurul/TBK6/51/1152-1158]*

**Contoh 6:**

*Membina satu lagi kemahiran, iaitu kemahiran berhujah [Ed/TBK7/59/1337]*

**Contoh 7:**

*Dari segi kemahiran komunikasi, komunikasi dapat ditingkatkan. Daripada segi tugasan berpasangan dan individu itu dari segi saya cara untuk mengolah idea ataupun mencari maklumat. [Fiq/TBK8/47/1055-1058]*

**Contoh 8:**

*Dapat membantu daripada segi kemahiran komunikasi saya sendiri lah [Emma/TBK8/47/1051-1052]*

**Contoh 9:**

*Komunikasi dalam kelas, dalam bilik kuliah pun maknanya ditingkatkan dan saya sangat suka bila semasa drama lah [Mawi/TBK8/47-48/1060-1066]*

**Contoh 10:**

*Di samping tu, boleh meningkatkan kemahiran berbahas dengan rakan-rakan. [Tina/TBK2/10/212-216]*

Selain aktiviti PBM yang dilaksanakan di dalam kelas, tugasan di luar kelas yang dilaksanakan oleh pelajar juga turut mempengaruhi kemahiran interpersonal, komunikasi dan sosial pelajar. Misalnya menerusi tugasan pembinaan blog, pelajar berpeluang meningkatkan kreativiti mereka, di samping dapat menonjolkan bakat semula jadi mereka yang terpendam. Manakala, menerusi tugasan pembinaan drama, pelajar dapat meningkatkan keyakinan diri dan dapat mengurangkan rasa malu yang selama ini menguasai diri setiap pelajar. Hal ini secara tidak langsung berupaya meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar.

**Contoh 1:**

*Saya boleh meningkatkan lagi kemahiran saya dalam menghias blog (kreativiti) saya dalam masa yang sama sebab nak bersaing dengan kawan-kawan lah. [Tina/TBK2/3/42-45]*

**Contoh 2:**

*Kita belajar dan juga memperkembangkan bakat, bukan bakat terpendam...kita mencabar sebenarnya diri kita sendiri [Ayu/TBK3/37/819-821]*

**Contoh 3:**

*Memang banyak lah memberi kita peluang lah, kita mencabar diri kita sendiri [Ayu/TBK3/62/1397-1399]*

**Contoh 4:**

*Ketepikan rasa malu dan dapat meningkat keyakinan diri [Razif/TBK3/62/1412-1413]*

**Contoh 5:**

*Satu pengalaman baru yang mana untuk menjadi seorang yang berjaya, kita perlu menerapkan pelbagai kaedah dan juga kemahiran dalam diri kita supaya kita ni tak tertumpu pada satu bidang sahaja. [Razif/TBK3/63/1425-1429]*

**Contoh 6:**

*Kita perlu bersedia, kita perlu membuat persiapan untuk diri kita sendiri [Razif/TBK3/70/1600-1601]*

**Contoh 7:**

*Bagi keyakinan untuk saya buat, lepas tu akhirnya saya pun tahu buat. Sebelum ni memang tak pernah sentuh pun blog ni, buka pun tak pernah. [Izza/TBK5/32/720-723]*

**Contoh 8:**

*Pengalaman sepanjang menghasilkan drama tu lebih berharga [Ayu/TBK3/54/1215-1216]*

**Contoh 9:**

*Saya rasa saya boleh kuatkan skill saya sendiri..skill berdrama [Sharifah/TBK3/31/683-685]*

**Contoh 10:**

*Di situlah kita dapat meningkatkan motivasi dan meningkatkan pembelajaran kita [Atul/TBK5/36/809-810]*

**Contoh 11:**

*Saya rasa lebih berkeyakinan lah untuk tampil di hadapan untuk bertanya soalan, untuk memberi pandangan sebabnya suasana pembelajaran tu nampak sporting, dengan pensyarah pun sporting, dia boleh menerima pandangan kita, dia boleh perbetulkan kesilapan kita dengan baik. [Ed/TBK7/52-53/1186-1192]*

**Contoh 12:**

*Daripada situ saya dapat bina kekreatifan, macam sifat kreatif dalam diri sendiri lah. [Emma/TBK8/40/893-894]*

Di samping itu, tugasan secara berpasangan, iaitu kajian lapangan juga turut memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka pengetahuan yang ada di sekeliling mereka dan memberi peluang kepada pelajar bekerjasama dengan masyarakat di persekitaran mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran sosial pelajar.

**Contoh 1:**

*Melatih diri kita untuk peka terhadap keadaan sekeliling, persekitaran. [Sal/TBK2/6/116-117]*

**Contoh 2:**

*Saya dapat faham situasi-situasi yang berlaku di sekeliling saya. [Ziha/TBK1/29/635-637]*

**Contoh 3:**

*Nilai tambahnya cukup banyak. Seperti saya sendiri, saya tak pernah bekerjasama dengan polis, ambil gambar dengan polis, naik kereta polis apa semua, itu peluang yang dapat dirasai ketika melaksanakan drama tersebut Untuk kajian lapangan tu, berjumpa dengan orang-orang masyarakat sekitar (kemahiran sosial), jadi semua memberikan pengalaman lah, paling berharga. [Ika/TBK6/50/1128-1134]*

## **b. Kemahiran Berfikir dan Menyelesaikan Masalah**

Kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan (KPT, 2006). Dalam kajian ini, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah dapat dilihat menerusi aktiviti soal jawab, sumbang saran, perdebatan dan aktiviti PBM yang dilaksanakan di dalam kelas. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual, kajian mendapati aktiviti-aktiviti tersebut dapat

merangsang pemikiran pelajar dan menggalakkan pelajar berfikir untuk menyelesaikan masalah. Kemahiran berfikir juga dapat meningkatkan pencapaian pelajar, serta meningkatkan kualiti pengajaran pengajar (Yahya dan Azmey, 2012).

**Contoh 1:**

*Secara automatiknya pemikiran kami terbuka. [Sal/TBK2/35/781-782]*

**Contoh 2:**

*Lebih kritis lah untuk kita berfikir. [Razif/TBK3/39/871-872]*

**Contoh 3:**

*Meningkatkan kemahiran berfikir kita pada tahap yang tinggi lah [Lan/TBK3/70/1585-1586]*

**Contoh 4:**

*Pelajar akan berfikir di luar kotak. [Ziha/TBK1/39/878-879]*

**Contoh 5:**

*Kebolehan kami sebagai pelajar berfikir untuk menyelesaikan masalah yang sebenarnya [Azie/TBK1/41/912-913]*

**Contoh 6:**

*Mengajar pelajar untuk berfikir di luar kotak [Sal/TBK2/30/687-688]*

**Contoh 7:**

*Menjana kreatif daya kreatif pelajar kerana setiap pelajar akan berusaha untuk mendapatkan jawapan. Setiap pelajar ada pandangan masing-masing [Farah/TBK2/16/341-344]*

**Contoh 8:**

*Melatih otak kami untuk berfikir. [Tina/TBK2/34/769-771]*

**Contoh 9:**

*Memerlukan kita banyak berfikir dan percambahan idea akan berlaku [Ekin/TBK4/31/701-702]*

**Contoh 10:**

*Nampaklah kita perlu berfikir di luar daripada kotak pemikiran biasa. [Izza/TBK5/35/787-788]*

**Contoh 11:**

*Pemikiran kita ni...kita fikir ke hadapan, tak terbatas lah [Izza/TBK5/36/814-815]*

**Contoh 12:**

*Ada bina keyakinan lah dari segi kerjasama, apa semua. Ada juga kemahiran berfikir di luar kotak. Kena berfikir lah, tak ada lah duk dalam kelas tu mendengar sahaja, tak berkembang [Leez/TBK7/53-54/1210-1214]*

Menurut Shahrin et al. (2003), kemahiran menyelesaikan masalah merupakan kebolehan untuk mengaplikasikan strategi penyelesaian masalah dalam situasi di mana masalah dan penyelesaian memerlukan pemikiran kritikal untuk mendapatkan hasil yang diidamkan. Kemahiran ini dapat dilihat khususnya menerusi aktiviti PBM, iaitu aktiviti yang memerlukan pelajar menyelesaikan masalah yang diberikan. Selain itu, soalan-soalan yang sering diajukan oleh pensyarah juga didapati dapat merangsang pemikiran pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, dengan melibatkan pelajar dengan aktiviti berfikir aras tinggi dapat membantu untuk menyumbang kepada pembangunan kemahiran hidup yang kritikal. Dalam kajian ini, menerusi aktiviti PBP yang dijalankan di dalam kelas, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah pelajar dapat dijana, misalnya menerusi aktiviti soal jawab dan aktiviti PBM. Zamri (2012) menjelaskan bahawa, kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu pengajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran pensyarah masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil kira aspek berfikir pelajar. Hal ini demikian kerana kemahiran berfikir merupakan aspek penting dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar.

### c. **Kemahiran Berpasukan**

Kemahiran berpasukan adalah salah satu elemen yang terkandung dalam kemahiran insaniah. Kemahiran ini melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama (KPT, 2006). Menurut Yeop (2006), antara faedah kerja berpasukan adalah penggunaan sumber yang saksama, perkongsian pengetahuan dan pengalaman, pengukuhan organisasi, penambahbaikan prestasi kerja semangat dan motivasi dan kepuasan bekerja. Dalam kajian ini, kemahiran bekerja secara berpasukan dapat dilihat menerusi tugas projek yang dilaksanakan dalam kursus ini. Dalam tugas ini para pelajar diminta bekerjasama dalam kumpulan untuk menghasilkan sebuah drama digital. Tanpa adanya kerjasama daripada setiap kumpulan, pastinya pembinaan drama tersebut tidak terhasil.

**Contoh 1:**

*Tugas berpasangan atau berkumpul mencapai hasil pembelajaran, iaitu melaksanakan tugas secara koperatif dan kolaboratif. Maksudnya tugas drama tu kalau buat seorang tu tak kan jadi lah, maksudnya memerlukan komitmen antara satu sama lain, memerlukan kerjasama antara satu sama lain [Leez/TBK762-1412-1417]*

Dapatan kajian menunjukkan para pelajar menunjukkan sikap positif terhadap tugas berkumpul, dan secara tidak langsung kemahiran bekerja secara berpasukan diperoleh oleh pelajar. Pembelajaran yang memerlukan para pelajar bekerja secara berpasukan dilihat lebih baik, menyeronokkan, meningkatkan motivasi dan menunjukkan sikap lebih bertanggungjawab pelajar untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Menurut Noraini (2001), pelajar lebih bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan kerana mereka mempunyai matlamat pasukan yang hendak dicapai. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Afidah (2005) turut mendapati bahawa, tahap penguasaan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan responden dalam kajiannya berada pada tahap yang tinggi.

### d. **Kemahiran Kepimpinan**

Selain kemahiran bekerja secara berpasukan, kemahiran kepimpinan juga dapat diperoleh oleh pelajar hasil pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu. Kemahiran kepimpinan merupakan elemen yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan.

**Contoh 1:**

*Wakil pelajar tu sangat ok, ada ciri lah seorang guru yang bakal memimpin generasi yang akan datang. Mereka tidak membiarkan rakan-rakan yang lain. Kelas tetap berlangsung juga dengan cara mereka kendalikan kelas walaupun Dr. tak ada, kira ok lah [Atul/TBK5/5/97-101]*

**Contoh 2:**

*Nampaklah kewibawaan dan kepimpinan mereka. Mereka boleh kendalikan kelas [Izza/TBK5/5/105-106]*

**Contoh 3:**

*Beliau seolah-olah memberi kesempatan kepada kita bagaimana untuk mengendalikan kelas. Di situ kita dapat belajar sedikit mengenai kemahiran insaniah, soft skill kita untuk mengasah macam mana kita hendak mengendalikan kelas [Ed/TBK7/4/74-79]*

Berdasarkan dapatan kajian, didapati para pelajar menunjukkan mereka menguasai kemahiran kepimpinan, khususnya dalam aktiviti P&P yang dilaksanakan secara berkumpul. Ciri kepimpinan dilihat dari aspek kesediaan pelajar menerima dan memberi arahan dan sokongan, bersedia menerima kritikan dan pandangan, bertolak ansur serta bersedia mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Ciri-ciri ini juga merupakan ciri yang perlu dimiliki oleh pelajar berpusatkan pelajar. Menurut Abell (2002), Gutteridge (2004), Muir (2004) dan Somerser (2001), seorang pemimpin harus menguasai kemahiran komunikasi dan kemahiran kepimpinan yang berkesan dan boleh berunding bagi mencapai matlamat dalam perbincangan yang dijalankan. Oleh itu, dalam konteks PBP, pelajar perlu diterap dengan



kemahiran komunikasi dan kepimpinan kerana melalui kemahiran ini pelajar akan lebih memahami apa yang diperlukan oleh seseorang dan bagaimana untuk mempengaruhi dan membimbing orang lain bagi mencapai matlamat yang dirancangan.

#### **e. Kemahiran Teknologi Maklumat**

Dalam kajian ini, pelajar dapat memperoleh kemahiran teknologi maklumat atau ICT menerusi penggunaan teknologi maklumat dalam proses P&P.

**Contoh 1:**

*Saya lebih banyak mempelajari kemahiran ICT, kalau macam tugas drama tu mungkin lebih kepada keyakinan diri lah. [Tika/TBK3/62/1404-1406]*

**Contoh 2:**

*Saya dapat mempelajari pelbagai benda lah tentang penggunaan teknologi [Tika/TBK3/47/1056-1058]*

**Contoh 3:**

*Keupayaan dalam penggunaan ICT lah. [Ed/TBK7/32/722-723]*

Kajian ini mendapati, para pelajar digalakkan menggunakan teknologi maklumat, khususnya semasa menyelesaikan tugas kursus yang diberikan. Untuk kursus ini, semua tugas yang perlu dilaksanakan oleh pelajar sama ada secara individu, berpasangan dan berkumpulan memerlukan pelajar menggunakan teknologi. Dalam kajian ini, penerapan kemahiran ICT dapat dilihat dengan jelas menerusi tugas individu dan tugas berkumpulan. Tugas individu memerlukan pelajar membina sebuah blog dan mengaplikasikan pelbagai elemen multimedia di dalam blog tersebut. Manakala, tugas berkumpulan pula memerlukan pelajar menghasilkan sebuah drama digital. Drama digital yang dihasilkan juga memerlukan pelajar menguasai kemahiran teknologi maklumat. Oleh itu, secara tidak langsung pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu dapat menggalakkan kemahiran ICT dalam kalangan pelajar.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati pelaksanaan PBP bukan sahaja dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti sesi P&P, bahkan juga dapat membentuk kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan bahawa pelaksanaan PBP dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar, khususnya kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran menggunakan teknologi maklumat. Melalui PBP juga pelajar didapati lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi, mampu berfikir dan menyelesaikan masalah, mampu melaksanakan tugas secara berpasukan, mempunyai daya kepimpinan dan berkeupayaan menggunakan pelbagai teknologi dalam pembelajaran mereka. Dapat dirumuskan bahawa untuk melahirkan modal insan yang berketrampilan dan mempunyai kemahiran yang seimbang serta menyeluruh sama ada daripada aspek akademik, sikap dan akhlak, PBP merupakan salah satu kaedah yang didapati berupaya menggalakkan perkembangan dan membentuk kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar di UA. Hal ini demikian kerana, PBP memberi peluang secukupnya kepada pelajar untuk membina dan menentukan pembelajaran mereka sendiri. Oleh yang demikian, para pelajar di UA sangat dituntut untuk menguasai kemahiran insaniah selain cemerlang dalam akademik. Hal ini demikian kerana, kebolehpasaran seseorang graduan bukan sahaja bergantung kepada pencapaian akademik, tetapi juga bergantung kepada kemahiran insaniah dan kemahiran praktikal yang dimilikinya. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu bukan hanya memberikan kesan positif terhadap pembelajaran pelajar, tetapi juga turut membantu menggalakkan perkembangan kemahiran insaniah pelajar.

## RUJUKAN

- Abell, A. (2002). Softly approach. *Information World Review*, 186: 56-58.
- Afidah Abdul Malek. (2005). Profil pelajar dalam kemahiran kerja secara berpasukan di Politeknik KPTM. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Alizah Lambri. (2015). Pelaksanaan pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kursus Bahasa Melayu di sebuah universiti awam. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bogdan, R.C & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Gutteridge, T.G. (2004). Career in not four letter word. *Mid America Journal of Learning Disabilities*, 30 (2): 198-208.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (2003). *Pedagogi: Asas pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (Soft Skills) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2012). Graduan sukar dapat kerja. Portal Blog Rasmi KPT, Kuala Lumpur. 6 November 2012.
- Ledia Anak Angul. (2004). Penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar kejuruteraan di KUiTTTHO. Tesis Ijazah Sarjana PTV.
- Lee, F.T & Tan J.H. (2003). Project management skills demand for engineering graduates in Malaysia. Dlm Institute of Engineers, Malaysia, Buletin Bulanan IJM: Jurutera. Edisi Jun 2003. Selangor: Dimension Publishing Sdn Bhd.
- Miles, M.B & A.M Huberman. (1994). *Qualitative data analysis*. California: SAGE Publications Inc.
- Muir, C. (2004). Learning soft skills at work: An interview with Annalee Luhman. *Business Communication Quarterly*, 67 (1): 95-101.
- Noraini Idris. (2001). *Siri pengajian dan pendidikan utusan: pedagogi dalam pendidikan matematik*. Kuala Lumpur: utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Norazila Mat, Jamsari Alias, Nazri Muslim & Nur Atiqah Abdullah. (2015). Experiential learning dan service learning: Ke arah meningkatkan kemahiran insaniah pelajar UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1)(2015): 55-64.
- Shahrin Mohammad, Hasan Md. Nor, Wahid Omar & Danial Mohamed. (2003). *Enhancing teaching & learning through the incorporation of generic skills for civil engineering undergraduates*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Somerser, F. (2001). The softer side of leadership. *CMA Management*, 75 (7):12-23.
- Umi Nadiha Mohd Nor, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah. (2011). Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 1 (2) November 2011. ISSN:2180-4842.
- Yeop Hussin Bidin. (2006). *Kerja berpasukan*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Yahya Othman & Azmey Hj. Othman. (2012). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentative di sebuah sekolah menengah Arab di negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 2, Bil. 2 (November), 32-45.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi p&p dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod & Mohamad Amin Embi. (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: teori dan praktis*. Shah Alam: Karisma Publication.